

No. 859.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA
(JAWATANKUASA PENGAJIAN) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Keanggotaan Jawatankuasa Pengajian

2. Jawatankuasa Pengajian hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Senat—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) Timbalan Naib Canselor yang menjaga perkara-perkara akademik;
- (c) Dekan, Pengarah atau Pengarah Eksekutif atau ketua atau orang yang bertanggungjawab bagi jabatan, unit atau badan lain atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang berhubungan dengannya Jawatankuasa Pengajian menjalankan mana-mana fungsinya;
- (d) seorang wakil Senat;
- (e) tidak lebih dari tiga (3) orang yang boleh dijemput terdiri daripada pensyarah, pakar dalam bidang dan/atau industri; dan
- (f) Penolong Pendaftar atau apa-apa nama lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti di Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut berkenaan sebagai Setiausaha.

Fungsi Jawatankuasa Pengajian

3. (1) Fungsi Jawatankuasa Pengajian adalah—

- (a) untuk menguruskan perkara-perkara akademik berkaitan dengan mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut termasuk penggubalan kurikulum, pengenalan kursus baharu dan penubuhan atau penyusunan semula atau pengaturan semula mana-mana jabatan,

unit atau badan lain berkenaan dengan mana-mana Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut; dan

- (b) untuk menimbangkan cadangan bagi penubuhan suatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut baharu, dan kurikulumnya, yang dirujuk kepada oleh Senat.

(2) Jawatankuasa Pengajian boleh mewakilkan mana-mana kewajipan, fungsi atau tanggungjawabnya kepada suatu jawatankuasa kecil yang ditubuhkan di mana-mana peringkat.

(3) Walau apa pun subperenggan (2), Jawatankuasa Pengajian boleh, sekiranya ia berpendapat perlu, menyemak mana-mana keputusan yang dibuat oleh pihak yang kepadanya ia telah mewakilkan kuasa dan boleh mengesahkan, membatalkan, mengubah atau meminta pihak itu menimbangkan semula keputusan itu.

Kuorum mesyuarat

4. Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa Pengajian hendaklah tiga (3), tidak termasuk ahli di dalam subperenggan 2(e).

Pembatalan

5. Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 1998 adalah dibatalkan.

Kecualian Dan Peralihan

6. (1) Segala perkara yang belum selesai di hadapan Jawatankuasa Pengajian yang dilantik di bawah Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 1998 hendaklah pada tarikh mula berkuatkuasanya Statut ini diteruskan di hadapan dan diselesaikan oleh Jawatankuasa Pengajian tersebut.

(2) Bagi maksud subperenggan (1) hendaklah dianggap seolah-olah Statut Universiti Malaya (Jawatankuasa Pengajian) 1998 tidak dibatalkan.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengajian tentang perkara yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah diuruskan dengan sewajarnya oleh Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Senat.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH
Canselor
Universiti Malaya